

JABATAN BENDAHARI

Ruj. Kami : UPSI/BEN/B/570/2021(3)
Tarikh : 23 OGOS 2021
14 MUHARAM 1443H

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL.4/2021 – GARIS PANDUAN PENJANAAN PENDAPATAN DAN KELESTARIAN KEWANGAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke 135 Bil. 4/2021 pada 3 Ogos 2021 telah meluluskan Garis Panduan Penjanaaan Pendapatan dan Kelestarian Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris(UPSI).

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan, Garis Panduan Penjanaaan Pendapatan dan Kelestarian Kewangan UPSI telah dipinda dan dikemaskini bersesuaian dengan pelaksanaannya pada masa kini. Tujuan garis panduan ini diwujudkan adalah :-

- 3.1 Sebagai garis panduan dalam pengurusan aktiviti penjanaaan dan kelestarian kewangan di UPSI bagi memastikan pelaksanaannya mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- 3.2 Memperkukuhkan aktiviti-aktiviti penjanaaan dan kelestarian kewangan semasa melalui garis panduan yang jelas dan proses pelaksanaan yang cekap.
- 3.3 Menjadi pemangkin dalam menjana idea baru dalam usaha meningkatkan sumber dalaman UPSI.
- 3.4 Menyokong usaha melestarikan kewangan Universiti bagi menempuh cabaran pada masa akan datang.
- 3.5 Memperkasa aktiviti-aktiviti yang dapat menjana pendapatan sedia ada dan tidak terhad kepada aktiviti penyelidikan, pengkomersilan atau perundingan atau aktiviti yang dilaksanakan Anak Syarikat Universiti.
- 3.6 Dasar ini juga memberi panduan kepada PTj dan juga semua warga UPSI mengenai tatacara penjanaaan pendapatan dan kelestarian kewangan UPSI.

4. Sehubungan itu, Garis Panduan Penjanaaan Pendapatan dan Kelestarian Kewangan UPSI boleh diperolehi melalui laman web Jabatan Bendahari <http://bendahari.upsi.edu.my> untuk rujukan dan tindakan.

1.../


5 Pemakaian pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh kelulusan LPU tersebut. Bagi memudahkan rujukan dan mengelakkan kekeliruan dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Bendahari Bil.1/2021 bertarikh 1 Februari 2021 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah,


(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED, C.A. (M), ASEAN CPA)
Bendahari
Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k. Yg. Bhg. Dato Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)